

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 MARCH 2017

KL-New Delhi dijangka meterai 15 MoU

BH - 31/3/2017

→ PM mulakan lawatan rasmi enam hari ke India



M Thillinadan
thilli@bh.com.my
Chennai, India

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi enam hari ke India.

Ketibaan beliau bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor di Lapangan Terbang Antarabangsa Chennai disambut Duta Malaysia ke India, Datuk Hidayat Abdul Hamid dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Ketibaan mereka di hotel penginapan turut disambut Menteri Kesihatan, Datuk Seri S Subrama-

niam; Duta Khas (Infrastruktur) ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S Samy Vellu; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ramlan Ibrahim.

Jemputan rakan sejawat

Najib yang dalam rangka lawatan atas jemputan rakan sejawatnya Shri Narendra Modi, petang semalam mengadakan pertemuan dengan pemangku Gabenor Tamil Nadu, Vidhyasagar Rao dan Ketua Menteri, Edappadi Palaniswamy di kediaman Gabenor, Raj Bhavan.

Hari ini, Perdana Menteri akan menyertai mesyuarat perniagaan dianjurkan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India-Malaysia (MAICCI), disusuli perjumpaan dengan pelajar dan rakyat Malaysia yang belajar dan bekerja di Tamil Nadu.

Najib kemudian akan bertolak ke Masjid Anjuman di sini untuk solat Jumaat, sebelum berlepas ke New Delhi, pada sebelah petang.

Malaysia dan India dijadual menandatangani sekurang-kurangnya 15 memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian bernilai kira-kira RM30 bilion sepanjang lawatan Najib.

Bina kilang ammonia, urea

Antara projek terbesar ialah pelaburan RM8.8 bilion untuk membina kilang ammonia dan urea di Malaysia khusus untuk pasaran India.

Selain Tamil Nadu dan New Delhi, Najib juga akan melakukan lawatan sehari ke Jaipur, ibu negeri Rajasthan untuk meninjau dan meneroka peluang pelaburan untuk syarikat Malaysia, khususnya pro-

jek infrastruktur di negeri itu.

Najib menjadi Perdana Menteri pertama Malaysia melakukan lawatan rasmi ke Tamil Nadu pada 2010.

Perdana Menteri sebelum ini mengakui sebahagian masyarakat India Malaysia masih mempunyai hubungan keluarga di India, khususnya di Tamil Nadu, justeru amat penting untuk kedua-dua negara untuk terus kekal akrab dan berkongsi kesejahteraan bersama.

Lawatan ketiga Najib ke India sejak 2010 yang juga bersempena sambutan 60 tahun hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara dan lawatan Modi ke Malaysia pada tahun 2015 adalah pengiktirafan oleh kedua-dua pemimpin mengenai hubungan sejarah dan ketamadunan yang dikongsi bersama.